

**D.R. 5/2015**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Penjara 1995.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penjara (Pindaan) (No. 2) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 7**

**2.** Akta Penjara 1995 [*Akta 537*] dipinda dalam subseksyen 7(1A) dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Pencegahan Jenayah 1959 [*Akta 297*]” perkataan “dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 [*Akta ...*]”.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penjara 1995 (“Akta 537”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(1A) Akta 537 untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan lokap di mana-mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagai tempat bagi pengurungan orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 yang dicadangkan.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2977]